

Memahami Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia

Understanding Other Religions as Basic of Religious Tolerance: The Aim and the Term from Religious Leaders Perspective in Malaysia

NUR FARHANA ABDUL RAHMAN, KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI, JAFFARY AWANG,
ZUL'AZMI YAAKOB & NUR SOLEHAH SHAPIEE

ABSTRAK

Artikel ini menjelaskan keperluan terhadap memahami agama lain sebagai asas keharmonian agama di Malaysia. Tidak dinafikan bahawa usaha untuk memupuk keharmonian antara penganut agama di Malaysia kerap dilaksanakan sama ada secara teori mahupun praktikal merangkumi program yang melibatkan pelbagai agama akan tetapi isu dan konflik tuntutan dalam isu antara agama di Malaysia masih lagi berlaku. Sejajar dengan situasi ini, beberapa sesi temu bual telah dijalankan bersama informan yang terdiri dari wakil pemimpin- pemimpin bagi agama Islam dan Kristian di Malaysia. Data temu bual ini telah dianalisis secara tematik dengan penggunaan perisian Atlas Ti. Hasil kajian ini mendapati bahawa hubungan antara penganut Muslim dan Bukan Muslim khususnya Muslim –Kristian di Malaysia masih dipenuhi dengan syak wasangka dan salah faham. Faktor utama berpunca dari salah faham terhadap dasar Islamisasi yang dilaksanakan dalam kerajaan. Salah faham ini seterusnya membentuk kumpulan yang terlalu ekstrem sama ada kepada pemisahan agama dan negara atau membawa kepada taasub kaum dan agama sehingga tidak sedar akan hak-hak agama lain yang turut diiktiraf oleh agama yang dianuti. Justeru, bagi menimbulkan semula kepercayaan antara dua penganut agama ini, pemimpin agama bersetujua bahawa memahami agama lain adalah penting terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan urusan harian SERTA mempunyai syarat agar kelangsungan hubungan sosial dapat berjalan dengan harmoni tanpa mengganggu batas-batas sensitiviti agama.

Kata kunci: Memahami agama lain; hubungan Muslim –Kristian; toleransi agama; sensitiviti agama; hubungan antara agama Malaysia

ABSTRACT

This article explains the necessity of understanding others as a basic religious harmonization in Malaysi. There are many efforts have been done previously including discussion, social dialogue and seminar that involve all of the religious believe, however these efforts were unable to reduce the conflicts and issues related to Muslim and Christian relationship in Malaysia. Therefore, to clarify on this matter, we conducted an interview session with several representatives of religious' leader from Muslim and Christian respectively in each chosen states of Malaysia. By using Atlas Ti software, the content of the dialogues was analyzed thematicly. The result revealed that there is a lot of skeptical and misunderstanding among religious followers of Muslim and non Muslim especially Muslim-Christian in Malaysia. The biggest problem highlighted in this study is lack of understanding on concept of Islamic country introduced by the government of Malaysia. This leads to the formation of extremist group that is too obsessive with their races and religious believe, thus giving a negative influence to the society and divide them according to their own religious believe without realizing the rights of other religion that have been authorized by their religion. Hence, to reinstall the religious harmony among Muslim and Christian, we need to educate the followers for each religion to have a better insight on what other religion practice and guide them on respecting each other rights to practice according to the constitution of Malaysia. The religious leader should be free from this extremist group and create a guideline on respecting other religion.

Keywords: Understanding others; Muslim –Christian relation; religious tolerance; religious sensitivity; interfaith relation; Malaysia

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri dari pelbagai agama, bangsa dan kaum. Kepelbagaian agama, bangsa dan kaum di Malaysia ini akhirnya terpusat dengan lebih tepat sebagai masyarakat *ethocentric* yang mana bangsa yang menjadi asas pengenalan diri masyarakat Malaysia. Justeru segala isu yang dilaporkan berkaitan dengan hak individu dalam negara secara tidak langsung dipengaruhi dengan perspektif dari sesuatu kaum. Isu agama juga tidak terkecuali dari stereotaip ini seperti Melayu itu Islam, Hindu untuk India, Budha untuk kaum Cina dan Kristian juga untuk Cina dan India.

Selaras dengan tuntutan perlembagaan ini, maka pemupukan semangat menghormati antara setiap kaum dan budaya, perayaan setiap penganut agama diraikan sebagai satu tanda penghormatan kepada semua warga negara Malaysia. Namun begitu akibat dari kurang faham masyarakat mengenai batasan dalam hal ini akhirnya menimbulkan pelbagai kontroversi sebagai contoh, isu pemakaian kurta (pakaian tradisional masyarakat India) oleh Perdana Menteri Malaysia semasa meraikan sambutan Deepavali mula dibincangkan sebagai satu isu yang melanggar sensitiviti agama Islam sedangkan di India, ramai warganegara India yang beragama Muslim memakai pakaian ini. Bagi contoh sebaliknya pula, terdapat sebahagian masyarakat sewenangnya membolehkan sesuatu perayaan tersebut diraikan sehingga melanggar hukum-hukum asas agama yang dianuti seperti yang terjadi dalam sambutan Hari Natal (*Christmas Day*) yang mana akhirnya difatwakan haram kepada Muslim disebabkan sejarah perayaan tersebut yang berbentuk teologi (Muzakarah fatwa ke-65 <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>).

Selain itu, konflik antara agama turut dipandu oleh masalah yang lebih meruncingkan iaitu apabila terdapat sebahagian pihak yang mengambil kesempatan atas konflik agama yang berlaku dengan menawarkan cadangan penyelesaian yang lebih agresif iaitu melalui pengenalan ajaran dan fahaman pluralisme agama (Zaini Hassan 2012). Melalui pemahaman yang lebih liberal atau bebas, ajaran dan fahaman pluralisme agama merupakan satu fahaman yang membawa penyelesaian penyamaan agama-agama atau dalam erti kata) fahaman ini seolah-olah cuba mengharmonikan antara agama sehingga menafikan perbezaan hakiki yang wujud

antara agama.. Pada peringkat teori dan praktikal ia mengundang pelbagai reaksi dari pemikir agama dan para sarjana tambahan lagi ia menyalahi akidah Islam.

ISU DALAM HUBUNGAN ANTARA AGAMA DI MALAYSIA

Secara umumnya, hubungan Muslim dan Bukan Muslim di Malaysia dilihat melalui beberapa fasa utama. Fasa pertama: Realiti kepelbagaian agama selepas merdeka. Fasa ini bermula pada awal kemerdekaan, sekitar tahun 1957. Pada masa ini bermula dengan tahap toleransi yang masih kurang. Ekoran kesan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah British melalui pengasingan penduduk mengikut bangsa dan kawasan. Bandar bagi kaum Cina, kampung bagi kaum Melayu dan estet bagi kaum India. Malah usaha perpaduan kurang dijalankan oleh pihak kerajaan kerana selepas kemerdekaan terdapat tiga agenda utama yang diberi perhatian penuh oleh kerajaan iaitu membasmi kejahilan, kemiskinan dan penyakit. Jurang dalam hubungan antara agama ini akhirnya mencabar keharmonian Malaysia khususnya pada tahun ke 12 selepas kemerdekaan dengan berlakunya tragedi 1969. Menurut Abdul Hamid Othman et al. (2005:64), ketegangan antara kaum mula diluahkan dengan berani sehingga tercetusnya peristiwa 1969 ini disebabkan berakhirnya tempoh perjanjian yang telah dimeterai bersama British dalam perjanjian kemerdekaan. Abdul hamid (2005) turut menjelaskan bahawa dalam perjanjian kemerdekaan, British memberi masa selama 10 tahun percubaan kepada Tanah Melayu bagi menunjukkan bahawa setiap kaum dan bangsa boleh hidup bersama dengan harmoni, sekiranya wujud persengketaan maka kemerdekaan akan di tarik semula. Justeru penulis mendapati bahawa peristiwa berdarah ini menjadi titik tolak kepada percampuran penganut agama dengan meluas di Tanah Melayu akibat dari situasi yang menggesa kerajaan agar turut mengambil kira keharmonian umat beragama sebagai asas kemajuan negara. Akhirnya satu penggubalan agenda baru dalam kerajaan telah dilaksanakan semula berpunca dari peristiwa rusuhan berdarah yang berlaku pada 13 Mei 1969. Hal ini sekali gus membentuk fasa baru dalam hubungan kepelbagaian agama khususnya hubungan Muslim Kristian di Malaysia.

Fasa Kedua: Bermula tahun 1970, ekoran dari peristiwa 1969, kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi merapatkan jurang

ekonomi antara kaum dan agama. Walaupun peristiwa 1969 adalah berteraskan perkauman namun dalam konteks Malaysia apa sahaja perkara yang melibatkan perkauman sering kali turut menjejaskan hubungan agama. DEB ini dilihat memberi kesan dalam dua peringkat iaitu (Abdul Hamid Othman et al. (2005: 64):

1. Peringkat Awal Dasar Ekonomi Baru: 1970

Pelaksanaan DEB 1970 ini menyebabkan percampuran kaum Melayu, India dan Cina khususnya di kawasan tempat tinggal. Dalam konteks hubungan beragama, pada peringkat ini mula muncul dialog sosial antara penganut agama kesan dari proses urbanisasi. Sebagai contoh, wujudnya penyertaan kaum India dan Cina dalam pekerjaan sebagai polis akhirnya menonjolkan percampuran keluarga mereka di kuarters polis, percampuran anak-anak di sekolah, perkongsian tapak jualan makanan di kedai antara kaum Melayu dan Cinadan sebagainya. Namun ini tidak menafikan bahawa isu –isu antara kaum sering terjadi dari masa ke semasa antaranya seperti Peristiwa Kerling 1978, Demonstrasi Penganut Kristian di Melaka pada hari Wesak 1980, Peristiwa Lubuk Merbau dan Memali 1985 dan seumpamanya. Isu-isu ini dilihat wujud dengan wujudnya semangat kebangkitan semula Islam di Malaysia dan disusuli dengan pembentukan dasar Islamisasi.

2. Pengaktifan Kebangkitan Semula Islam 1982

Kesan dari kebangkitan semula Islam di dalam Revolusi Iran arus Kebangkitan semula Islam telah mula melanda seluruh dunia Islam termasuk di Malaysia sekitar tahun 1970. Pada waktu kelihatan masyarakat Muslim telah mula berusaha untuk kembali menghayati ajaran agama Islam dalam pelbagai sudut. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai satu agama persekutuan. Kedudukan Islam sebagai agama persekutuan ini sebenarnya merupakan satu pengiktirafan taraf utama dalam evolusi kenegaraan Malaysia. Selaras dengan itu, pada tahun 1982 satu dasar Islamisasi kerajaan mula diperkenalkan. Lahir satu semangat baru untuk memperjuangkan kebangkitan semula Islam yang mana ia boleh digambarkan sebagai satu usaha untuk menegakkan semula nilai-

nilai Islam, amalan-amalan Islam, institusi-institusi Islam, undang-undang Islam dan segala pelaksanaan sistem dan penghayatan yang penuh keislaman secara menyeluruh bagi mewujudkan sebuah negara Islam (Chandra Muzaffar 1988:2).

Dalam konteks beragama, peringkat kedua ini memberi impak yang berbeza kepada Muslim dan Bukan Muslim. Sebagai contoh, ekoran usaha gerakan dakwah yang lahir dari kebangkitan semula Islam munculnya kesedaran dalam kalangan pihak Muslim bagi meletakkan batasan percampuran dan aurat antara lelaki dan perempuan serta yang berlainan agama. Hal yang sama juga berlaku dalam persoalan halal dan haram. Contohnya penggunaan pinggan, sudu dan cawan plastik serta memastikan makanan yang disediakan oleh sesuatu majlis perayaan adalah halal mula di beri perhatian. Bagi Muslim hal ini dilihat bagi melaksanakan toleransi agama tanpa melanggar batasan ajaran Islam.

Namun begitu, dalam konteks bukan Muslim kesedaran dan limitasi yang diberikan oleh golongan Muslim dilihat seperti satu sekatan untuk bertoleransi dan menyebabkan mereka merasa pelik namun perlu difahami dan dihormati. Seperti yang dijelaskan oleh wakil pemimpin agama bukan Islam:

“sebelum ini kami menghadiri perayaan Muslim dengan senang hati namun selepas dari tahun 1970 setiap majlis yang dilakukan oleh Muslim selalunya menyediakan pinggan dan tempat letak pinggan khas bagi membezakan Muslim dan bukan Muslim. Pada mulanya kami rasa pelik namun kami perlu untuk menerima walaupun rasa sedih. Jadi Masalah utama adalah kita kurang dengar cerita baik berkaitan hubungan baik antara agama.

(Temu bual Informa Kristian 1: 2014).

Fasa Ketiga: Dalam konteks hubungan Muslim dan Bukan Muslim di Malaysia, isu Islamisasi dalam polisi kerajaan menambah kebimbangan bukan Muslim terhadap tuntutan Muslim. Buktinya, pihak bukan Muslim mula melakukan persiapan bagi menjaga dan memantau usaha-usaha polisi kerajaan bagi menjaga hak mereka. Penubuhan Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBHST) merupakan satu landasan bagi menyampaikan suara bukan Muslim kepada kerajaan. Selain itu, di peringkat yang lebih awal wujud tuntutan dari Majlis Perundingan Kristian, Buddha, Hindu,

Sikh dan Tao (MCCBHST) pada tahun 1983 yang telah menyuarakan bantahan terhadap program Islamisasi ekoran wujudnya pelaksanaan dasar Islamisasi yang digagaskan oleh pihak kerajaan pada tahun 1982. Tuntutan ini muncul sebagai bukti kebimbangan dan reaksi masyarakat bukan Muslim dalam mengimbangi hak Muslim dan bukan Muslim yang selaras dengan artikel 11 dalam Perlembagaan Malaysia. Objektif utama MCCBHST adalah (Northcott 1991:59);

- a. *to promote dialogue with all the religions for a mutually constructive exploration of different traditions and of controversial issues such as conversion.*
(mempromosikan dialog dengan semua agama bagi mencari kesepakatan dalam penerokaan tradisi yang berbeza dan isu-isu kontroversi seperti penukaran agama).
- b. *to represent the interest of non-Muslim religions to the government and the state authorities on issues such as non Muslim burial grounds, the building of temple& etc.*
(mewakili suara masyarakat bukan Islam kepada pemerintah dan pihak berkuasa negeri dalam menjaga kepentingan mereka mengenai isu-isu seperti tapak perkuburan bagi orang bukan Islam, pembinaat rumah ibadat dan lain-lain)

Malah isu-isu ini turut melahirkan pertikaian yang lebih besar terhadap pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam. Antaranya adalah usaha Majlis Perundingan Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBHST) menyatakan penolakan terhadap aplikasi undang-undang Syariah ke atas masyarakat bukan Islam dan kemuncaknya ialah tuntutan hak kebebasan beragama di Malaysia diperjuangkan oleh Inter Faith Commission (IFC) pada tahun 2009 yang menyokong antaranya bahawa setiap individu berhak memilih agama sendiri tanpa boleh dipaksa oleh ibu bapa (Paul Tan 1986: 55).

Persoalan yang menjadi isu utama dalam kalangan bukan Muslim adalah pertikaian keperluan nilai-nilai Islam ini diterapkan dalam sebuah negara pelbagai bangsa. Bagi mereka berdasarkan penjelasan pihak kerajaan terhadap isu Islamisasi dengan menyatakan bahawa pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan kerajaan adalah kerana nilai-nilai ini bersifat universal dan sesuai untuk semua peringkat. Jika benar mengapa nilai-nilai ini masih diistilahkan kepada nilai-nilai Islam (Islamisasi) bukan nilai-nilai Universal? (Ghazali

1988 :112, Walters 2007). Seterusnya pertikaian yang hampir sama juga dilemparkan oleh bukan Muslim kepada 10 prinsip dalam gagasan Islam Hadhari yang hanya memperuntukkan satu sahaja prinsip dari 10 prinsip (1. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t.; 2. Kerajaan adil dan beramanah; 3. Rakyat berjiwa merdeka; 4. Penguasaan ilmu pengetahuan; 5. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif; 6. Kehidupan berkualiti; 7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita; 8. Keutuhan budaya dan moral; 9. Pemeliharaan alam semulajadi dan 10. Kekuatan pertahanan dalam Islam kepada golongan minority) (Walters 2007:70). Pertikaian-pertikaian ini menjadikan pihak bukan Muslim bersifat defensif dan wujud pihak Muslim yang mengambil kesempatan menggunakan dasar Islamisasi ini yang memupuk semangat eksklusif Islam yang ekstrem di Malaysia sekali gus memberi kesan yang buruk terhadap imej Islam sebagai agama universal.

Fasa kini iaitu sekitar tahun 2017-2018 isu hubungan antara agama semakin mendapat perhatian. Antaranya, dalam forum Antara Agama 2016, Kementerian Pendidikan dicadangkan mewujudkan subjek '*interfaith understanding*' bagi membolehkan para pelajar sekolah lebih memahami dan menghormati pelbagai fahaman agama di negara ini. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) Datuk Azman Amin Hassan berkata "Subjek ini diharapkan dapat mendidik terutamanya anak-anak kita memahami sekurang-kurangnya perkara asas tentang agama lain selain didedahkan mengenai perlembangan negara," (Malay Mail 31 Julai 2016). Kenyataan ini disebabkan oleh dapatan kajian Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menunjukkan masyarakat Malaysia kurang pengetahuan terhadap agama lain yang tidak dianutinya. Namun cadangan ini disangkal oleh Institut Strategik Islam (ISSI) dan Ikatan Muslim Malaysia (ISMA) yang menyatakan bahawa hal ini perlu mematuhi tuntutan fardhu ain yang perlu disempurnakan oleh pelajar Islam terlebih dahulu. Pengerusi ISSI Dr Amran Muhammad, subjek ketamadunan adalah lebih sesuai khasnya dalam memupuk semangat hormat dalam negara (Utusan 4 Ogos 2016). Seterusnya, Pada 24 Julai 2018, Akta Kebencian Agama dan Kaum turut dicadangkan untuk menjadi penilai kepada mana-mana pihak yang menghina agama Islam dan agama lain (Utusan 2018). Selain itu telah wujud permintaan dan cadangan agar subjek agama lain turut di ajar dalam sistem persekolah.

Sebagai cadangan, Khadijah Khambali et al. (2017), mencadangkan bahawa bagi menjaga keharmonian agama di Malaysia toleransi perlu diamalkan namun toleransi yang dimaksudkan bukanlah hanya berbentuk tuntutan hormat semata mata, malah jauh lebih penting adalah pemupukan rasa hormat terhadap budaya dan norma yang diamalkan oleh masyarakat. Malah dalam Nur Farhana (2016) pernah menegaskan bahawa toleransi agama yang jelas adalah melalui konsep tasamuh kerana terdapat unsur pemupukan rasa hormat ini, manakala toleransi dalam konteks *Tolerare* berbentuk satu konotasi yang negatif. Hal ini ditegaskan lagi dalam Ruhaizah & Jaffary (2020) yang menjelaskan terdapat perbezaan yang jelas antara toleransi yang berasaskan konsep *tolerare* dengan toleransi agama yang dijelaskan dalam Islam dalam konsep *tasamuh*, khasnya yang berkaitan dengan penglibatan dalam toleransi. Ruhaizah dan Jaffary (2020:21) menegaskan bahawa dalam penglibatan kuasa, konsep toleransi di Barat lebih mengakibatkan kuasa yang lebihh besar atau majoriti berkuasa ke atas minority, namun dalam konteks tasamuh, kedua-dua pihak mendapat hak yang adil (adil dalam erti kata Islam hak yang berhak dan layak di dapati tidak semestinya dalam situasi menang-menang (*win-win situation*)).

Sehubungan dengan itu bagi menjelaskan pelaksanaan toleransi agama yang cenderung dalam memupuk rasa hormat di Malaysia, kajian ini cuba menganalisis dahulu kesediaan pihak yang berauthorit dalam agama iaitu pemimpin agama agama dalam memahami agama lain. Ini kerana, berdasarkan penjelasan fasa-fasa di atas, menjelaskan seolah olah kecenderungan yang muncul dalam isu-isu hubungan Muslim dan Bukan Muslim yang berlegar sekitar isu kurang memahami hak agama sehingga terhasilnya sekatan mengamalkan agama dan hak agama lain dalam erti kata lain terfokus kepada tuntutan hak semata mata.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan fenomenologi. Data kajian ini diperolehi dari sumber utama (*primary sources*) iaitu temu bual secara mendalam (*in-depth interview*). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur sebagai asas kepada proses temu bual secara mendalam (*in depth interview*). Ini kerana, menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual ini bersifat lebih fleksibel

dan ini membenarkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik khususnya dalam soalan bagi mendapatkan maklumat toleransi di Malaysia. Dalam kajian ini, setiap sesi temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) telah mengambil masa selama 1 jam sehingga 1 jam 30 minit bagi setiap informan yang terpilih. Setiap informan yang terlibat dalam kajian ini diberi taklimat ringkas berkaitan kajian yang dilakukan di awal sesi temu bual. Para informan turut diberi jaminan bahawa nama mereka tidak akan dinyatakan semasa laporan kajian dikemukakan. Informan juga diberi penghargaan terhadap kesediaan memberi maklumat dan sumbangan mereka dalam penyelidikan.

Pesampelan yang digunakan adalah *Purposive Sampling* yang mana wakil pemimpin agama dilihat antara sumber utama yang mengajar, mengetahui dan menjadi tempat rujukan bagi memahami keperluan dan batasan dalam memahami agama. Seramai 10 orang wakil agama Islam dan Kristian yang terlibat sebagai informan kajian ini telah dipilih untuk tujuan kajian. Wakil pemimpin agama Islam yang dipilih terdiri dari wakil pemimpin agama Sabah, Pulau Pinang, Melaka, Selangor, Majlis Fatwa Kebangsaan. Manakala wakil pemimpin agama Kristian dipilih mengikut cadangan dari Christian Federation Malaysia. Bagi Kristian Katolik, responden kajian dipilih dari ahli Jawatankuasa Tertinggi Gereja Katolik, Malaysia manakala bagi Protestan, kajian merujuk kepada Seminari Teologi di Semenanjung Malaysia yang mewakilkan paderi dari pelbagai denominasi seperti Lutheran, Anglican dan Methodist. Seterusnya, dapatan temu bual ini kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Atlas Ti dengan berpandukan panduan analisis kandungan tematik. Menurut Creswell (1998: 148-149), analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, semua informan kajian merupakan wakil pemimpin agama yang mempunyai pengalaman memahami agama lain sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Terdapat berbagai-bagai pengalaman dan penglibatan dengan agama lain yang telah dilalui oleh wakil pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia melalui temu bual, dialog, ziarah rumah ibadah, pemerhatian lapangan, melalui sumber rujukan, teks mahupun

secara rasmi iaitu melalui sistem pendidikan. Bagi informan Muslim, majoriti dari informan Muslim berpengalaman memahami agama lain secara langsung dan tidak langsung dan majoriti informan Muslim memahami agama lain dari sumber dan rujukan dari sumber Islam. Walau bagaimanapun, dalam konteks kehidupan terutamanya di alam pekerjaan, semua informan Muslim terlibat dalam berurusan dengan isu dan penyelesaian masalah dalam hubungan antara agama menurut konteks Islam bukan dari penganut agama tersebut. Manakala dalam kalangan informan Kristian, majoriti dari informan Kristian telah melalui dan menyertai kelas atau program yang berkaitan memahami agama-agama lain. Program dan kelas pemahaman ini melibatkan pakar atau wakil dari penganut agama tersebut. Namun mereka tidak menafikan untuk melihat sumber kajian Kristian sendiri berdasarkan Kerangka Teologi Kristian dan panduan *Christian Witness to other Religion* (2011) yang dikeluarkan oleh World Christian Council dalam berhubungan dengan penganut agama lain.

1. Tujuan pendekatan memahami agama menurut Informan Muslim dan Kristian Malaysia.

Melalui temubual yang dijalankan, kajian mendapati majoriti dari informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa pendekatan memahami agama lain dapat memupuk keharmonian agama di Malaysia. Persetujuan yang diberikan oleh informan Muslim dan Kristian didasarkan

kepada beberapa tujuan utama. Bagi informan Muslim memahami agama adalah atas dasar saling kenal mengenali kepercayaan antara pelbagai masyarakat di Malaysia. Ia penting bagi menjayakan keharmonian hidup bermasyarakat namun pendekatan memahami agama ini tertakluk kepada batasan dan syarat tertentu. Selain itu, memahami agama lain ini juga bertujuan untuk mengetahui sensitiviti agama lain agar menjadi panduan pelaksanaan hormat. Mereka berpendapat bahawa sensitiviti ini mestilah jelas dan mempunyai rujukan dari pakar agama dan kitab rujukan mereka. Hal ini ditekankan melalui persetujuan informan Muslim terhadap pendekatan semakan dan pembelajaran berkaitan sesuatu agama dari pakar agama tersebut dan rujukan ke atas kitab suci. Tambahan lagi, informan Muslim juga berpendapat bahawa dengan mengetahui realiti sebenar pandangan penganut sesuatu agama yang dikaji berpandukan pakar dan penganut ini, secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kelestarian pelaksanaan dakwah, malah terdapat juga satu pandangan yang menyatakan bahawa memahami agama dalam kalangan pengkaji Muslim ini dapat meningkatkan dan menguatkan iman pengkaji Muslim terhadap ajaran Islam itu sendiri. Namun begitu memahami agama Islam dahulu adalah syarat utama bagi orang Muslim. Penjelasan persetujuan dan tujuan ini dapat dilihat dengan lebih terperinci dalam jadual di bawah.

JADUAL 1. Pandangan penerimaan pendekatan memahami agama menurut informan Muslim

Tema	Isu	Huraian	Kod Informan
Penerimaan Pendekatan Memahami Agama Lain	Setuju- Fokus kepada sensitiviti dalam agama-agama mengikut suasana Malaysia	Kalau sy banding scr nature masy malaysia, ni secara majoriti lah, org bukan islam lebih byk tahu tentang islam berbanding org islam mengetahui apa pantang larang bagi agama bukan islam. Tu secara general.	M5
	Setuju- Bertujuan membuktikan kebenaran agama Islam	Maknanya kita banding beza sebagai Muslim untuk kita angkat sebenarnya Islam paling benar. Itu sebenarnya hakikat belajar perbandingan agama.	M4
		kita belajar agama lain, kita tahu agama tu salah. Mengukuhkan akidah kita	M1
	Setuju- Menjelaskan salah faham antara penganut agama	Tapi oleh kerana masyarakat majmuk, so kita nak tengok. Sebab, yang agama lain ni pun, belum tentu yang dilakukan oleh penganut agama lain itu adalah ajaran agama dia.	M2
		Antara yang diamalkan yang kita nampak dengan yang betul dari ajarannya. Nampak macam ada percanggahan. Jadi saya secara tak langsung kita dapat betulkan kita punya maklumat tentang agama dorang.	M2

Sumber: Temu bual informan Muslim (2018)

Dalam konteks Kristian, semua informan Kristian menyatakan persetujuan bahawa pendekatan memahami agama merupakan satu elemen penting dalam proses pembentukan keharmonian agama. Mereka menjelaskan bahawa memahami agama ini bertujuan untuk

membina rasa hormat dan menolak sangka buruk, mengenali agama lain secara tepat menurut realiti dan ia juga tidak dinafikan sebagai satu medium dakwah Kristian. Pandangan ini dirincikan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Penerimaan pendekatan Memahami Agama menurut informan Kristian

Tema	Isu	Huraian	Kod Informan
Penerimaan pendekatan memahami agama lain	Setuju – Tujuan saling mengenali agama dan kepercayaan	Ya, kita perlu tahu agama mengamalkan apa, agama ini percaya apa. So, dengan itu kita akan bertoleransi sebab contohnya ialah kita tahu larangan makanan orang Hindu, lembu.	K1
		Comparative religion is good as long we are trying to understanding each others religion. But, if you use the comparative religion to go and say bad things about another religion then we have problem la	K2
	Setuju – memahami agama lain dengan sumber yang benar	Kalau saya nak tahu tentang agama Islam mana boleh saya buat assumption sendiri, tak boleh. Saya akan bertanya dengan ustazah-ustazah, ustaz.	K1
		We also have understanding try to understand what is Islam is. We want to ask question that Islam of the bahan rujukan ni maybe a different understanding from the Islam practiced in Malaysia.	K2

Sumber: Temu bual informan Kristian (2018)

Berdasarkan dari pandangan di atas, menunjukkan bahawa majoriti informan Muslim dan Kristian Malaysia bersetuju dengan pendekatan memahami agama lain sebagai proses membentuk keharmonian agama di Malaysia. Mereka mempunyai persamaan pandangan berkaitan tujuan pendekatan memahami agama seperti membina rasa hormat, menjauhi prejudis dan mengurangkan kekeliruan dan sangka buruk ini. Melalui persamaan tujuan ini, kajian merumuskan bahawa wujudnya kesedaran dan kesediaan untuk hidup harmoni di kalangan pemimpin agama Islam dan Kristian Malaysia. Asas utama yang dipegang oleh pihak Kristian adalah ajaran utama yang mengajarkan ajaran Love merangkumi cintai musuh (love your enemy) (Nur Farhana 2016-119-120). Hal ini dijelaskan dalam ayat :

5:44”But I say to you, love yourenemies, bless those who curse you, do good to those who hate you, and pray for thosewho spitefully use you and persecute you (Matthew 5:44)

Ayat ini merupakan suruhan dari Jesus untuk berbuat baik pada orang sekeliling (Others) sekalipun mereka tidak berbuat baik dengan Kita.

2. Cadangan Pelaksanaan kaedah untuk memahami agama menurut informan Muslim dan Kristian Malaysia.

Dalam konteks pelaksanaan pendekatan memahami agama lain, wakil informan Muslim bersetuju ia boleh dilakukan oleh penganut Islam melalui beberapa cara iaitu memahami agama melalui pemerhatian budaya dan dialog kehidupan, memahami agama lain melalui semakan pakar, memahami agama lain melalui kajian terhadap agama tersebut namun semuanya mestilah dinilai semula mengikut kerangka dan kefahaman terhadap akidah Islam. Penekanan yang diberikan dalam memahami agama lain adalah menjelaskan perbezaan antara agama agar limitasi dan sensitiviti yang bertolak dari perbezaan tadi dihormati. Cadangan ini dijelaskan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Cadangan pelaksanaan memahami agama-agama menurut informan Muslim

Tema	Isu	Huraian	Kod Informan
Pelaksanaan Memahami agama	Peringkat sekolah rendah;	kalau sekiranya fahaman tentang agama2 lain tu nak di ajar di sekolah2 ..belum lagilah..tak boleh lagi.	M3
	- tidak sesuai dilaksanakan	Saya tak setuju. Sebab yang pertamanya peringkat ni saya nampak hanya perlu ditanamkan kefahaman agama masing-masing. Buddha faham agama dia, Hindu faham agama dia, Kristian faham agama dia, Islam faham agama dia. So, bila basic dah clear, so peringkat menengah dia lebih ok lah. Sebab aaa bila peringkat rendah dan menengah ni bila mula terus tentang pemahaman silang agama ni, satu benda yang agak berat dan sebenarnya secara tak formal benda ni dah berlaku dan bagi saya dah mencukupi.	M4
	- kukuhkan agama sendiri	tapi dibawah ni biarlah kita perkukuhkan dulu masing-masing agama ini dan kita ajarkan akhlak ,akhlak mereka termasuklah kita mengajar mereka supaya bertolak ansur dengan org yg berbeza pandangan.	M6
	- memfokuskan penerapan nilai murni/ akhlak terhadap penganut agama lain	Mungkin menengah tinggi, mulakan. Jadi bagi saya tak ada halangan sebab setiap hari kita jumpa. Melainkan kita duduk negara yang tak campur agama lain	M2
	Paling minima dilaksanakan bagi pelajar sekolah menengah tinggi	kalau di sekolah ,biarlah peringkat yg tinggi lah yang kita kata menengah atas ke, kita boleh mulakan	M6
	Sesuai dilaksanakan di peringkat university	di universiti kemungkinan boleh..	M3
		diperingkat universiti untuk ada subjek berkenaan agama2 lain. sebab sudah sampai masanya. sebab tak cukup kita hanya belajar TITAS.	M4
		Orang kita sekarang ni sifat keakuan dia makin tinggi. Sibuk dengan kerja, kau hal kau, aku hal aku. Jadi tak ada masa untuk ambil tahu benda tu. Kalau ada sekurang-kurangnya penerapan di peringkat universiti so dia asas, dan dia akan faham lebih mendalam.	M4
		subjek perb agama dekat IPT , mgkin sesuai dkt IPT ada tak sesuai kt sekolah.	M5
	Dikendalikan oleh guru/ahli agama/ pakar bidang/badan berautoriti:	sebab itu persepsi dia salah, bila dia berguru orang yang salah. Berentetan lah tu. Itumenarik kajian ni, ana rasa cukup menarik. Sebab kita kadang-kadang bergelumang dikalangan orang Islam saja. Kita tak nampak view daripada sana, dari mana sumber dia dapat atau sebagainya. Nanti sampai natijah akhir kajian ni boleh mencadangkan pihak autorititi, universiti sendiri, yang memang tu..membawa Islam yang betul .	M1
	• latar belakang akademik yang kukuh	Yang penting ada autoriti. Baru memberi gambaran sebenar. Kalau dia mengikut lentur yg lebih muyl, cendrung anti hadis, dia akan bawa macam tula.	M1
	• akidah yang sah (guru Muslim)	tapi dengan syaratnya dia mestilah selalu juga merujuk kepada pensyarah2 yang ada komitmen kuat tentang ni.. kalau tak tu jadi mcm merujuk kepada pegangan2 wahabi.. pegangan syiah..	M2
	• wakil agama sendiri (guru bukan Islam)	Dalam certain2 elemen perlu ada (pengajar agama daripada agama itu sendiri)	M5
		kita perlu memahami agama-agama lain ni menurut perspektif kaum dia sendiri.	M6
		org yang nak bincang tu kenalah orang yg ada background dia, latar blkg dia, ltar blkg akademik yg kukuh	M6

Sumber: Temu bual informan Muslim (2018)

Manakala dalam konteks Kristian, informan Kristian turut menjelaskan bahawa memahami agama lain ini dapat kesediaan penganut agama untuk memberi ruang dan perhatian kepada agama lain untuk hidup bersama sama ada melalui pengajaran subjek “ pengenalan agama dunia” di setiap institusi atau dalam sistem pendidikan malah ia lebih baik dari pengajaran moral atau ia juga boleh dilakukan melalui observasi terhadap cara hidup agama lain dan program ziarah rumah ibadah yang mana secara tidak langsung memberi peluang kepada pengkaji agama tersebut untuk membuat perbandingan antara agama yang dianuti

dengan agama lain. Bagi melaksanakan hal ini di Malaysia, maka majoriti dari informan Kristian berpendapat bahawa dasar pintu terbuka (*open door policy*) perlu dijadikan asas dalam memberi ruang kepada setiap agama di Malaysia menjelaskan agama masing-masing sama ada di media, atau di tempat awam bagi memudahkan proses memahami agama berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, fokus hendaklah diberikan bagi mencari persamaan antara agama. Ini kerana sekiranya perbezaan yang dijelaskan atau ditonjolkan maka toleransi sukar untuk dilaksanakan. Pandangan-pandangan ini dirincikan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Cadangan Pelaksanaan Memahami Agama Lain menurut informan Kristian

Tema	Isu	Huraian	Kod Informan
Cadangan Pelaksanaan	Pembelajaran yang bersifat formal	Ya, I think we must have some formal education, formal education in primary and secondary school for of each others religion.	K2
	Mengetahui toleransi dan sensitiviti	Ya, kita perlu tahu agama mengamalkan apa, agama ini percaya apa. So, dengan itu kita akan bertoleransi sebab contohnya ialah kita tahu larangan makanan orang Hindu, lembu. Ok, kamu adakan satu majlis masyarakat majmuk, adakah kamu hidang daging lembu? You tau benda itu adalah larangan orang Hindu, sensitive, kalau you tolerate dengan agama, you menerima dia dalam majlis tersebut, adakah awak akan menghidangkan daging lembu? Tidak kan.	K1

Sumber: Temu bual informan Kristian Malaysia (2018)

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian merumuskan bahawa informan Muslim membenarkan pendekatan memahami agama ini dalam kalangan Muslim namun ia terbahagi kepada dua bentuk pemahaman iaitu memahami cara hidup dan memahami kepercayaan. Hal ini dirumuskan dari pandangan majoriti informan Muslim yang menyatakan bahawa memahami agama lain ini cukup dengan bergaul dan berurusan dalam urusan seharian. Namun dalam kontes memahami kepercayaan sesuatu agama lain atau memahami agama lain dengan lebih terperinci, semua informan Muslim meletakkan syarat sebagai panduan dan limitasi proses memahami iaitu terbatas kepada peringkat umur dan tahap pendidikan tertentu iaitu tidak bermula kecuali telah memasuki pengajian di universiti, atau ia mestilah dibenarkan kepada golongan pengkaji dalam bidang yang telah mengikuti latihan dan mempelajari disiplin perbandingan agama menurut panduan Islam dari awal dan mempunyai pengetahuan dan kefahaman akidah Islam yang lebih tinggi.

Bagi pandangan informan Kristian, kajian mendapati bahawa kefahaman terhadap agama, kepercayaan, cara kehidupan sesuatu agama dan penganut agama boleh sahaja dilakukan di setiap peringkat umur. Sebahagian mereka mencadangkan secara rasmi dan sistematik. Namun, majoriti dari informan Kristian memberi fokus kepada pelaksanaan kajian secara kontekstual yang mengambil kira pandangan semua penganut agama agar data dari sebuah agama dapat difahami menurut konteks agama dan penganut agama itu sendiri.

3. Syarat Pelaksanaan Pendekatan Memahami Agama menurut informan Muslim dan Kristian Malaysia.

Kajian mendapati bahawa informan Muslim meletakkan syarat utama yang perlu dipatuhi oleh Muslim dalam memahami agama-agama mestilah memahami agama Islam terlebih dahulu merangkumi pengetahuan terhadap akidah, akhlak dan syariah. Wakil informan

Muslim tidak bersetuju sekiranya pendekatan memahami agama lain di ajar melalui sistem pendidikan yang formal kepada semua peringkat umur kerana dua perkara iaitu kematangan umur pelajar dan latar belakang pendidikan pelajar

tersebut. Hal ini turut diberi penegasan dengan wujudnya beberapa cadangan syarat dari pihak informan Muslim bagi individu Muslim yang bersedia untuk memahami agama lain. Syarat ini dirinci kan dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Syarat pelaksanaan pendekatan memahami agama lain menurut informan Muslim

Tema	Isu	Huraian	Kod Informan
Syarat Memahami Agama Lain	Memantapkan kefahaman ajaran agama sendiri	Tapi kena beringatlah.adakah kita cukup kuat dengan ajara agama kita ? , kita dedahkan dorang dengan ajaran agama lain , jadinya apa nanti ? Kalau dia tak kuat lagi akidahnya. Dalam konteks Malaysia, sekiranya dah cukup kuat, ok silakan.	M2
		saya rasa mereka ni mengukuhkan dulu kefahaman tentang agama islam ni.	M3
		saya rasa apa kefahaman tentang agama kita itu yang perlu dikukuhkan dulu dan saya tak nampak setakat silibus sek men yang ada hari ini boleh mengukuhkan.	M3
		Ya (faham agama sendiri), sebelum kita nak tahu agama org	M5
		utamanya faham dulu agama islam, dan kemudian baru berpindah kepada pemahaman terhadap agama2 yang lainlah.	M4
		sebab akhirnya bila mana kita faham agama lain tetapi tidak fhm agam kita dia akn jd masalah kekeliruan dan akhirnya kita hanya kefahaman kita fahaman ikut-ikutan	
		sebelum kita panggil jemputan (penceramah dari agam lain) tersebut, anak2 kita ni perlu didedahkan asas akidah kita, dan asas akidah dia tidak selari dgn prinsip islam.	M5
		Tak ada masalah, untuk umat islam mengambil tahu tentang Agama lain, tapi saya nasihatkan supaya umat islam terlebih dahulu mengajar anak2 mereka ttg agama islam itu snediri. Terutama sekali, tentang rukun2 iman	M6
		Islam tu kena di ajar terlebih dahulu, akidahnya, dengan dalil2 yang yakin.	M6
		Ada limit, cuma nak ambil tahu je.	M2

Sumber: Temu bual informan Muslim (2018)

Manakala, bagi informan Kristian, syarat yang diberikan adalah lebih umum. Malah data temu bual menunjukkan bahawa informan Kristian bersetuju bahawa memahami agama lain perlulah bermula seawal umur pendidikan yang diperoleh. Walau bagaimanapun, informan

Kristian telah meletakkan beberapa syarat utama yang dijadikan syarat dasar dalam memahami adalah kesediaan berdialog dan berinteraksi serta kesediaan untuk mendengar tanpa prejudis. Hal ini dirincikan dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Syarat pelaksanaan pendekatan memahami agama lain menurut wakil pemimpin agama Kristian Malaysia


Tema	Isu	Huraian	Kod Informan
Syarat Memahami Agama Lain	Perlu dibuka kepada semua peringkat umur	Ya, so from beginning kan, from kanak-kanak to middle years in schools, public and all that and then the warga emas is enrichment programme.	K2
	Tidak menyentuh isu sensitif	Jangan menyentuh isu-isu sensitive yang bolehh, jangan kata ohh Tuhan saya tuhan yang betul, itu sensitive	K1
	Belajar untuk tujuan yang baik	Comparative religion is good as long we are trying to understanding each others religion. But, if you use the comparative religion to go and say bad things about another religion then we have problem la.	K2

Sumber: Temu bual bersama informan Kristian Malaysia (2018)

Kajian mendapati bahawa persetujuan antara wakil pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap pendekatan memahami agama adalah berdasarkan hujah dan keperluan yang tertentu. Persamaan pandangan informan Muslim dan Kristian jelas dalam menyatakan persetujuan agar memahami agama tersebut hendaklah dari konteks agama itu sendiri. Namun wujud perbezaan dalam menyatakan justifikasi individu dari konteks agama itu sendiri. Buktinya, bagi informan Muslim individu itu mestilah dari pakar agama yang dikaji namun ia tidak semestinya dari penganut agama itu sendiri. Manakala bagi informan Kristian individu dari konteks agama sendiri adalah pakar dari agama

itu sendiri khususnya dari penganut agama yang dikaji.

Persamaan pandangan antara informan Muslim dan Kristian juga berlaku dalam menyatakan tujuan pendekatan memahami agama ini adalah sebagai satu proses persediaan untuk menyebarkan dakwah agama masing-masing. Tujuan ini menjadi asas penegasan mereka untuk mengetahui data dan pemahaman agama dalam konteks realiti atau tempat yang dikaji. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan wujudnya perbezaan pandangan antara informan Muslim dan Kristian Malaysia dalam aspek syarat bagi pelaksanaan pendekatan ini. Hal ini dijelaskan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Perbezaan Syarat Memahami Agama di antara Wakil Pemimpin Muslim dan Kristian Malaysia
 Sumber: Analisis Temu bual bersama Informan Muslim dan Kristian Malaysia.

Berdasarkan Rajah 1, perbezaan syarat utama antara wakil pemimpin agama Islam dan Kristian adalah pada syarat yang melibatkan dua perkara iaitu syarat ke atas kelayakan pendidikan individu yang terlibat dalam pendekatan ini dan syarat bagi kelayakan umur. Dalam konteks syarat, informan Muslim cenderung kepada penentuan syarat layak memahami agama lain bergantung pada umur pengkaji agama dan tahap pemahaman pengkaji terhadap agama Islam. Justeru, memahami agama lain disyaratkan untuk dilaksanakan pada peringkat kajian ilmu yang lebih tinggi, walau bagaimanapun, dalam memahami budaya kaum lain ia boleh dilakukan dari aspek dialog kehidupan seharian. Manakala menurut informan Kristian ia boleh dilakukan seawal usia yang mungkin. Dari konteks pelaksanaan, semua informan bersetuju melalui ilmu pengenalan agama-agama sama ada secara langsung dalam pendidikan rasmi atau secara tidak langsung.


Bagi mengukuhkan lagi kesesuaian pendekatan memahami agama sebagai cara memupuk keharmonian agama di Malaysia

kajian turut meninjau dokumen laporan toleransi beragama (Ahmad Tarmizi Talib 2014:107-108) yang melaporkan data dari penganut agama. Laporan memberi fokus kepada dapatan penganut berkaitan kesediaan, pengalaman dan tingkah laku penganut agama dalam memahami agama lain, pandangan mereka terhadap keperluan pendidikan agama di sekolah dalam membentuk toleransi agama dan meninjau pandangan mereka terhadap keperluan untuk mempelajari dan memahami ajaran agama lain sebagai kayu ukur menjelaskan tahap toleransi penganut.

Pandangan wakil pemimpin agama Islam dan Kristian yang menyatakan bahawa pendekatan memahami agama lain adalah asas dalam toleransi agama dilihat tidak dipersetujui sepenuhnya oleh penganut agama. Ini kerana wujudnya dua bentuk kaedah memahami agama lain yang diulas oleh penganut. Pertama: memahami agama lain secara pendidikan formal. Kedua, memahami agama lain melalui dialog kehidupan. Bagi memahami agama lain secara sistem pendidikan formal, kajian

mendapati bahawa laporan ini merumuskan bahawa kebanyakan responden tidak bersedia dan tidak menganggap mempelajari agama lain secara modul rasmi ini satu kepentingan di Malaysia. Dalam erti kata lain, wujudnya sikap tidak ambil tahu terhadap ajaran agama yang dianuti oleh orang lain. Ia dilihat melalui keseimbangan peratusan menunjukkan hanya 38.15 % responden sahaja yang bersetuju bahawa ajaran agama lain juga perlu dipelajari selain daripada mempelajari agama yang dianuti. Sebanyak 31.33% pula responden yang tidak bersetuju dengan usaha mempelajari agama lain dan 30.2% responden menyatakan tidak pasti (Ahmad Tarmizi 2014: 107-108). Walau bagaimanapun, pemahaman agama lain secara tidak formal ternyata telah berlaku dalam kalangan penganut agama khususnya melalui pergaulan seharian dan media massa. Buktinya, laporan menyatakan bahawa majoriti

responden iaitu 81.1 % mengetahui mengenai ajaran agama lain melalui pergaulan seharian, 55.4 % responden mengetahui kepercayaan agama lain melalui media massa dan 54.2 % responden mengetahui amalan agama melalui media (Ahmad Tarmizi 2014:107-108). Ini menunjukkan bahawa corak kehidupan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang pelbagai ini secara tidak langsung memberi pendedahan berkaitan sistem amalan dan kepercayaan sesuatu agama lain. Walau bagaimanapun laporan menjelaskan bahawa majoriti penganut bersetuju untuk mengetahui dan memahami ajaran agama lain tanpa perlu campur tangan dalam hal ehwal kepercayaan dan agama tersebut. Pandangan Pemimpin agama Islam, Kristian dan penganut terhadap pendekatan memahami agama sebagai usaha pelaksanaan toleransi agama di Malaysia diringkaskan dalam Rajah 2.



RAJAH 2. Jaringan Perbandingan Pendekatan Memahami Agama menurut wakil pemimpin agama Islam, Kristian dan penganut Agama

Sumber: Analisis Data Kajian

Kajian mendapati bahawa semua pakar agama mempunyai pengalaman dalam mempelajari agama selain yang dianuti. Walau bagaimanapun dalam konteks penganut agama, laporan toleransi agama menurut (Ahmad Tarmizi 2014:107-108) merumuskan bahawa semua responden mempunyai pemahaman agama sendiri yang tinggi namun tahap pemahaman agama lain adalah rendah. Selaras dengan hal ini kajian merumuskan bahawa dalam pendekatan memahami agama, pelaksanaan dialog

kehidupan atau sosial adalah cara yang disepakati oleh banyak pihak. Rumusan ini dibuat dengan merujuk kepada cadangan pemimpin agama dan penganut agama dalam berinteraksi dengan agama lain seperti meraikan perayaan agama, menziarahi jiran yang sakit walaupun berlainan agama dan membuat lawatan ke rumah-rumah ibadah.

Berdasarkan penjelasan di atas, pendekatan memahami agama sesuai dijalankan bagi memupuk keharmonian agama. Namun ia perlu menghormati

syarat dan tujuan yang ditetapkan oleh pakar dan rujukan agama yang dikaji. Menurut Renate Ysseldyk, et al.(2010). faktor keagamaan atau tahap keagamaan amat mempengaruhi kesediaan memahami agama lain. Kumpulan agama yang menawarkan sistem epistemologi dan ontologi dalam kepercayaan mereka dapat memberi kesan kepada pembangunan kehidupan yang baik. Kesan yang positif, persekitaran keagamaan mempunyai peluang yang berlipat kali ganda dalam mempromosi kehidupan yang baik. Namun, kekuatan Sistem keagamaan ini turut akan memberi kesan yang negatif sekiranya identiti agama yang ada digunakan untuk mengancam atau mengancam agama yang lain melalui konflik antara agama. Malah apa yang perlu difikirkan di Malaysia, adalah mekanisme yang sesuai untuk memahami agama lain. Melalui temu bual bersama Professor Ulung Datuk Dr Syamsul Amri Baharudin (Temu bual 25 Februari 2014), beliau menyifatkan bahawa pengajaran subjek untuk memahami agama lain sebagai satu subjek atau modul dalam pendidikan persekolahan adalah tidak relevan dan kerana kekangan waktu persekolahan yang pendek. Adalah lebih baik jika diajarkan nilai-nilai sahaja untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Namun dalam kajian terkini terhadap beliau Pendidikan ini masih lagi menjadi platform utama walaupun tidak secara rasmi di sekolah. Seperti yang dijelaskan dalam kajian Fazilah Idris et al (2019) yang memberi fokus kepada toleransi agama dalam kalangan beliau, menjelaskan bahawa perlunya pengetahuan tentang pantang larang dan adat resam serta budaya etnik dan penganut agama lain untuk mengelakkan berlakunya konflik yang melibatkan perbezaan agama dan etnik khususnya. Malah kajian mereka menunjukkan bahawa semakin tinggi interaksi dan hubungan antara etnik atau penganut agama di Malaysia, semakin tinggi toleransi beragama dalam kalangan masyarakat beliau Malaysia.

Sejajar dengan itu, maka pelaksanaan memahami agama lain adalah satu proses yang penting. Proses ini mestilah bermula dengan wujudnya platform berinteraksi atau pun berdialog antara penganut agama di Malaysia. Dalam erti kata lain, tidak boleh diri penganut agama itu hanya berurusan dan hidup dengan penganut agamanya sahaja. Fungsi dialog agama amat penting dalam memupuk keharmonian agama khususnya di Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Khadijah Khambali, Nur Farhana et al (2019), yang menegaskan bahawa kerana hanya dengan melalui pelaksanaan

dialog agama sama ada secara formal atau tidak formal, jaringan dan sesi perkenalan akan terbina. Melalui sesi perkenalan ini diharapkan bahawa setiap penganut yang berbeza agama dan budaya dapat memahami satu sama lain dan sekaligus mengelakkan prejudis sesama mereka.

Berdasarkan penjelasan di atas, pendekatan memahami agama sesuai dijalankan bagi memupuk toleransi namun ia perlu menghormati syarat dan tujuan yang ditetapkan oleh pakar dan rujukan agama yang dikaji. Malah apa yang perlu difikirkan di Malaysia, adalah mekanisme yang sesuai untuk memahami agama lain.

RUMUSAN

Kajian ini merumuskan bahawa memahami dan mengenali latar belakang dan asas kepercayaan agama-agama di Malaysia merupakan langkah pertama dalam membentuk toleransi agama yang menghasilkan masyarakat harmoni. Persetujuan dari wakil pemimpin agama Islam dan Kristian dalam meletakkan proses memahami agama dilihat atas alasan untuk mengelakkan prejudis sekaligus sebagai asas keharmonian agama. Walau bagaimanapun wujudnya perbezaan dan limitasi yang berbeza antara Islam dan Kristian dalam meletakkan kelayakan umur responden dan syarat kepada pakar yang layak diamanahkan dalam proses memberi kefahaman agama tersebut. Sehubungan dengan ini, kajian menyarankan agar semua pihak mematuhi kehendak dan limitasi keperluan dalam memahami agama lain dan pra syarat proses memahami agama ini mengikut syarat agama masing-masing seperti yang dicadangkan oleh wakil Muslim iaitu mematuhi syarat umur dan tahap kefahaman agama yang dianuti itu sendiri. Wakil Muslim dan Kristian juga secara keseluruhannya menyatakan bahawa memahami agama lain adalah digalakkan dalam perkara-perkara yang urusan seharian iaitu dialog kehidupan tidak melibatkan teologi secara khususnya. Usaha penyelarasan pemahaman agama melalui sistem pendidikan merupakan cadangan utama dalam kajian ini namun ia perlu dilihat bersama Perlembagaan Malaysia dan persetujuan dari pemimpin-pemimpin agama. Kajian mengharapkan agar pemimpin agama dapat menjadi contoh yang baik dalam proses memahami agama. Kajian turut mendapati bahawa dengan pelaksanaan *epoche*, pengetahuan yang lebih bersifat adil dapat disampaikan kepada penganut

agama. Malah pengkaji agama sendiri terhindar dari sikap skepti atau buruk sangka dalam kajian terhadap agama lain. Dalam masa yang sama proses memahami agama ini terhindar dari kekeliruan yang disebabkan oleh wujudnya percanggahan antara fakta dan realiti.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan FRGS/1/2017/SS06/UKM/03/1.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Othman. 2005. Toleransi Agama sebagai Teras Dialog Peradaban. Dlm. Azizan Baharudin et.al (pnyt). *Dialog Peradaban Peranan dan Kepentingannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Darshan Singh, Prof Jayum A. Jawan, Dr Zaid Ahmad, dr Ismi Arif Ismail, Mohd Roslan Rosnon & Nur Ayuni Mohd Isa. (2014). Toleransi Sosio- Agama di semenanjung Malaysia. Dlm. Laporan Penyelidikan Kerjasama Universiti Putera Malaysia Dan Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional Malaysia. Bahan tidak Terbit.
- Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Christian Witness to others Religions. 2011. http://www.vatican.va/roman_curia/pontifical_councils/interelg/documents/christian_witness_in_multi-religious_world_english.pdf.
- Creswell, J.W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Traditions*. London: SAGE Publication.
- Al-Faruqi. 1967. *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant*. Montreal: McGill University Press.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda dan Khairul Anwar Mastor. 2019. The Development of Religious Tolerance Model Among Multiethnic Youth in Malaysia. *Akademika* 89(2), Julai 2019: 33-42. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-03>
- Garis Panduan Rumah Ibadah. <http://www.townplan.gov.my/>.
- Ghazali Basri. 1988. 'A Comparative Study on Religious Tolerance in post-Independent Malaysia-Nigeria with pecial reference to Christian Muslim Relation'. Tesis Doktor Falsafah Universiti Aberdeen.
- Khadijah Mohd Khambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli & Khairul Nizam Mat Karim. 2017. Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim. Dlm *Akademika* 87(2), Julai 2017:63-76. (<https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-05>).
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nur Farhana Abdul Rahman, Azarudin Awang, Alwani Ghazali, Abdul Nasser Sultan Mohsem Sallam, Nurhanisah Senin. 2019. Inter-Religious Dialogue Activity: An Experience among Undergraduate Students in Selected Universities in Malaysia. *Akademika* 89(1), April 2019: 71-82. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8901-06>.
- Merriem, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. (2 ED). San Francisco: Jossey Bass.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68, Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama orang Bukan Islam, dicapai pada 12 April 2005, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>.
- Nur Farhana Abdul Rahman. 2016. Readiness of Muslim and Christians Leaders in Forming Religious Harmony: Necessity and Limitation. *Afkar: Journal of Aqidah and Islamic Thought*. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol18no2.3>.
- Nortcott, M.S. 1991. The Christian Muslim Relationship in West Malaysia, Dlm. *The Moslem World* Vol Lxxx1,1;59.
- Paul Tan. 1986. Human Right, Freedom of Expression and Belief. Dlm. *Human Rights in Malaysia, Democratic Action Party Human Right Committee*. Kuala Lumpur. Perlembagaan Persekutuan. Artikel 160 Perlembagaan Malaysia mentakrifkan pelbagai istilah yang digunakan dalam Perlembagaan Malaysia. http://wikisource.org/wiki/Perlembagaan_Persekutuan_Malaysia, 20 Julai 2012.
- Renate Ysseldyk, Kimberly Matheson, dan Hymie Anisman. 2010. Religiosity as Identity: Toward an Understanding of Religion From a Social Identity Perspective. *Personality and Social Psychology Review* 14(1) 60–71. DOI: 10.1177/1088868309349693
- Ruhaizah Abdul Ghani & Jaffary Awang. 2020. Tasamuh Versus Tolerance as Practical Approach to Encounter the Conflicting Issue. *Akademika* 90(1), April 2020: 15-23. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-02>.
- Utusan Malaysia, 24 Julai 2018. Parlimen Cadang Akata kebencian Agama dan Kaum (<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/parlimen-kerajaan-cadang-wujud-akta-kebencian-agama-kaum-1.715264>)
- Walters, A.S. 2007 Issues in Christian-Muslim Relations: A Malaysian Christian Perspective, *Islam and Christian-Muslim Relations*, 18:1, 67-83 .doi. [org/10.1080/095964106010711](https://doi.org/10.1080/095964106010711)
- Zaini Hassan, Utusan Malaysia. Dicapai pada 15 Oktober 2012 dari http://www1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121003/re_05/AncamanIFCdanPluralismeKitamudahlupa

Senarai Temu bual

1. Informan Muslim 1. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Perak. Temu bual, 17 Mei.
2. Informan Muslim 2. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Selangor. Temu bual, 14 Ogos.
3. Informan Muslim 3. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Negeri Sembilan. Temu bual, 10 Disember.
4. Informan Muslim 4. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Selangor. Temu bual, 25 September.
5. Informan Muslim 5. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Melaka. Temu bual, 2 Oktober.
6. Informan Muslim 6. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Pulau Pinang. Temu bual, 15 November.
7. Informan Kristian 1. 2019. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Perak. Temu bual, 13 Mac.
8. Informan Kristian 2. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Perak. Temu bual, 26 Oktober.
9. Informan Kristian 2. 2018. Panduan Toleransi Beragama Dalam Hubungan Muslim Dan Bukan Muslim Malaysia Menurut Pandangan Pemimpin Agama, Perak. Temu bual, 26 Oktober.
10. Syamsul Amri Baharuddin, (Pengarah di Institut Kajian Etnik (KITA,UKM), Temu bual pada 25 Februari 2014 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Nur Farhana Abdul Rahman (pengarang koresponden)
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,
 Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia.
 43600 Bangi
 Malaysia
 Email: nfarhana@ukm.edu.my

Khadijah Mohd Khambali@Hambali
 Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
 Akademi Pengajian Islam,
 Universiti Malaya
 Malaysia
 Email:ijamh@um.edu.my

Jaffary Awang
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,
 Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Malaysia
 Email: jaffary@ukm.edu.my

Zul'Azmi Yaakob
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,
 Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Malaysia
 Email:zulazmi@ukm.edu.my

Nur Solehah Shapiee
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Email:P93063@siswa@ukm.edu.my

Received: 10 May 2019

Accepted: 13 June 2020